

**Agong Dan Raja Permaisuri Agong Lawat Azizan Di HPP  
Bernama  
8 Mei, 2013**

GEORGE TOWN, 8 Mei (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Muadzam Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Haminah Hamidun Rabu menziarahi bekas Menteri Besar Kedah Datuk Seri Azizan Abdul Razak yang kini dirawat di Unit Rawatan Kardiologi (CCU) Hospital Pulau Pinang (HPP).

Baginda berdua diiringi Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang Tun Abdul Rahman Abbas dan isteri Toh Puan Majimor Shariff, Pemangku Sultan Kedah Tan Sri Tunku Annuar Badlishah, anakanda baginda Datuk Seri DiRaja Tan Sri Tunku Puteri Intan Shafinaz, Menteri Besar Kedah Datuk Mukhriz Tun Dr Mahathir dan Menteri Besar Perlis Azlan Man.

Seri Paduka berdua tiba di HPP pada kira-kira 4.50 petang dan meluangkan masa kira-kira 10 minit menziarahi Azizan dalam wad CCU.

Azizan, 73, yang juga Pesuruhjaya PAS Kedah, dimasukkan ke HPP selepas dikatakan mendapat jangkitan kuman di kaki dan menerima rawatan di Kedah Medical Centre (KMC) sejak Isnin lepas.

Sementara itu, Mukhriz ketika ditemui pemberita berkata, keadaan Azizan setakat ini dilaporkan stabil dan sentiasa dipantau pihak hospital.

Antara pemimpin yang sama-sama melawat Azizan ialah Pesuruhjaya PAS Pulau Pinang Datuk Mohamad Salleh Man, Naib Presiden PAS Datuk Mahfuz Omar, Presiden Kelab Putera 1Malaysia Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim, Ketua Polis Pulau Pinang Datuk Abdul Rahim Hanafi dan Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) Datuk Redza Rafiq Abdul Razak.

Pada pilihan raya umum ke-13 Ahad lepas, Azizan mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Limau dengan mengalahkan sepupunya Fazillah Mohd Ali yang mewakili Barisan Nasional (BN) dengan majoriti 2,774 undi.

Bagaimanapun, PAS kehilangan kuasa pentadbiran kerajaan negeri Kedah apabila BN memenangi 21 dari 36 kerusi DUN untuk membentuk kerajaan negeri dengan majoriti mudah.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=948392>